

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14, BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR

18hb. Jun, 1975.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1975

Pindaan Kepada SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1974 mengenai Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Resmi Bagi Pegawai-Pegawai Kerajaan

Saya suka menarik perhatian tuan kepada perenggan 3 (II) (a) serta Lampiran 'B' kepada Surat Pekeliling tersebut mengenai pakaian-pakaian semasa menghadiri upacara resmi bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas.

2 Dengan ini dimaklumkan bahawa terdapat sedikit pindaan kepada bentuk pakaian seragam bagi Pegawai-Pegawai Tadbir dan Professional dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas yang telah ditetapkan melalui surat edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan ini, JPA. SULIT. 2578/Pt.1/35 bertarikh 8hb. Jun, 1970 (Lampiran 'B' kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan 1/74](#)). Pindaan yang dibuat ini adalah dengan tujuan untuk mengelakkan lagi bentuk pakaian yang sedia ada sekarang. Bentuk pakaian yang telah dipinda itu adalah seperti berikut:-

Pakaian Resmi Untuk Pegawai-Pegawai Pentadbir dan Diplomatik dan Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas:

(a) **Pakaian Waktu Siang :**

Pakaian Siang ini ialah Jaket berwarna putih, seluar hitam, Apolet, Georget dan songkok, sarung kaki dan kasut hitam bertali.

(i) Jaket :

Jaket putih 'English Terrylene worsted of white' dengan kolar yang berkepok, lima biji butang tembaga besar dibahagian depan dan tiga biji butang kecil di tiap-tiap hujung lengan bahu itu serta satu butang kecil di tiap-tiap poket kecilnya

(ii) Seluar :

Seluar hitam 'English Terrylene worsted black' dengan jalur hitam berkilat di bahagian tepinya, lebar 3/4 inci.

(iii) Apolet :

Apolet berupa baldi hitam bertekak dengan benang emas, sekeliling tepi apolet itu bertekak benang emas bunga padi, di tengah-tengah apolet bertekak benang emas Lambang Malaysia dan daun bunga raya. (Harga apolet \$75.00 sepasang)

(iv) Georget :

Georget berupa baldi hitam bertekak benang emas. Sekeliling tepi georget bertekak benang emas bunga padi. Di tengah-tengah georget bertekak benang emas bunga raya yang hampir kembang. Georget dipakai di kolar jaket yang berkepok, kiri dan kanan. (Harga georget \$50.00 sepasang).

(v) Songkok :

Songkok baldi hitam, berjalur benang emas, lebarnya 9/16 inci. Cap badge Lambang Malaysia bercelop emas disematkan atas daripada jalur benang emas di sebelah kiri songkok itu. (Harga mencelop Cap badge \$4.00)

(vi) Kasut :

Kasut hitam berkilat dan bertali.

(b) **Pakaian Waktu Malam:**

Pakaian Malam ini terdiri dari baju dan Monkey Jacket putih, seluar hitam, bow hitam apolet, bengkong, sarongkaki dan kasut hitam bertali.

(i) Jaket :

Monkey Jacket bewarna putih dengan tiga biji butang tembaga kecil di hujung lengannya dan Lambang Malaysia di kelepak (lapel) Monkey Jacket itu di sebelah kiri dan kanan.

(ii) Seluar :

Seluar hitam dengan jalur hitam berkilat di bahagian tepinya.

(iii) Apolet :

Apolet dipakai diatas bahu kiri dan kanan Monkey Jacket.

(vi) Georget :

Georget tidak dipakai.

(v) Songkok :

Songkok tidak dipakai.

(vi) Benkong :

Bengkong daripada kain sutera berwarna hitam.

(vii) Kasut :

Kasut hitam berkilat dan bertali.

(viii) Kemeja :

Kemeja putih berkanji di sebelah hadapan dan bow hitam.

(ix) Anak-anak Bintang (Miniature) :

Anak-anak Bintang (Miniature medals) disematkan di dada sebelah kiri.

Apolet, Georget serta mencelop 'Cap badge' bolehlah didapati daripada Syarikat Malaya Trading, 1002, Jalan Masjid India, Kuala Lumpur.

3. Bentuk-bentuk pakaian waktu siang dan waktu malam seperti disebutkan di atas adalah seperti gambarajah yang dilampirkan. (Lampiran A dan B).

4. Oleh yang demikian, diputuskan bahawa mulai daripada tarikh 1hb. Julai, 1975 Pegawai-Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas hendaklah memakai bentuk

pakaian seperti yang disebutkan di atas apabila menghadiri majlis-majlis resmi yang diadakan oleh Kerajaan Pusat atau pun Kerajaan-Kerajaan Negeri. Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan adalah diminta menarik perhatian pegawai-pegawai yang berkenaan mengenai pindaan tersebut.

(DATUK ABDULLAH BIN MOHD.

SALLEH)

Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara.
Ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua-ketua Jabatan.
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.